

Untuk cegah murid2 dari serangan  
ketagihan dadah – PM

# SYOR SEKOLAH2 TUBUH BARISAN PERTAHANAN

**K**UALA TERENGGANU 3 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan sekolah - sekolah supaya menubuhkan barisan pertahanan bagi mencegah murid - murid dari serangan mereka yang membawa penyakit ketagihan dadah.

Perdana Menteri berkata, barisan tersebut boleh dijadikan benteng menghindar murid - murid dari terjerumus ke dalam kancang dadah.

“Barisan murid - murid ini boleh memerhati dan melihat kalau - kalau kawan mereka mula terlibat dengan dadah dan mereka boleh melaporkan kepada guru supaya usaha pemulihan boleh diadakan ke atas mereka yang terlibat,” tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat syor tersebut ketika berucap di hadapan lebih 5,000 orang penduduk ketika merasmikan Sekolah Mene-

ngah Bukit Tumbuh di sini petang ini.

Beliau tiba di sini selepas mengakhiri lawatan rasmi 3 hari ke Kelantan.

Malam ini, Perdana Menteri dan Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah diraikan dalam majlis makan malam di kediaman Menteri Besar dan selepas itu mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa barisan pertahanan murid itu patut diadakan memandang kebanyakan mereka yang terlibat dengan najis dadah adalah terdiri dari orang - orang Melayu.

Dalam pada itu, beliau juga mahu guru - guru memberi pengetahuan kepada murid - murid bagi membolehkan mereka menolak najis dadah dan dengan itu pencegahannya akan lebih berkesan.

Kata Perdana Menteri sekiranya perhatian yang serius tidak diberikan mengenai penagihan najis dadah ini, bilangan mereka akan meningkat dan akan menjadi beban kepada masyarakat dan juga ibu bapa.

“Hari ini terdapat lebih 200,000 orang yang terlibat dengan najis dadah. Jumlah ini adalah mereka yang mendaftar dan mungkin ramai lagi yang belum didaftar.

“Angka 200,000 ini adalah bilangan anak - anak kita yang hilang dari masyarakat dan tidak berguna kepada masyarakat dan walaupun dipulihkan menerusi pusat pemulihan akan kembali semula kepada tabiat yang lama,” tegasnya.

Beliau memberitahu bahawa kerajaan telah membelanjakan berjuta - juta ringgit untuk merawat mereka dan wang sebanyak itu, sekiranya digunakan untuk pembangunan akan lebih berfaedah.

Datuk Sri Dr. Mahathir menasihatkan bahawa dadah bukan boleh dicuba dan tidak patut dicuba kerana sekali mencuba akan terus terperangkap.

Oleh kerana itu tambahnya, sekolah - sekolah harus menganggap mereka sebagai benteng mencegah salahguna najis dadah.

## Terpaksa

Mungkin ini menjadi beban yang berat kepada sekolah dan guru tetapi beban itu terpaksa juga dipikul.

Schubungan itu, Perdana Menteri juga menyeru ibu bapa supaya mengambil perhatian berat terhadap gerak laku anak - anak mereka untuk menghindar dari terlibat dengan najis dadah.

Anak - anak harus dipastikan pulang ke rumah selepas sekolah dan tidak merayau - rayau supaya mengelak diri terjebak dengan kumpulan penagihan dadah yang mungkin menghulur dadah kepada mereka sebagai permulaannya.